



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
 PERSIARAN PERPADUAN, USJ 5, 47610, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
 TEL : 03-5621 0645 FAKS : 03-5621 0255 WEB : www.mbsj.gov.my

MBSJ.SPB.PT.KK(PM)-01RK(01)
 PINDAAN : 06
 TARIKH BERKUATKUASA :
 15 NOVEMBER 2023

BORANG PERMOHONAN ARENA MBSJ

Tarikh Permohonan :

Sila tandakan (/) kemudahan yang hendak disewa :

(/)	NAMA KEMUDAHAN	CATATAN	
	Padang Bolasepak		
	Gelanggang Bola Tampar		
	Gelanggang Bola Jaring		
	Trek Olahraga & Balapan		
	Pentas Utama		
	Bilik Persalinan	A	B
	Bilik Mesyuarat		
	Bilik Teknikal		

Tarikh Penggunaan :

Masa Penggunaan : Jumlah Jam :

Tujuan Sewaan :

Nama Pemohon :

No. K/P :

No. Telefon :

Alamat :

.....

*Saya berjanji akan bertanggungjawab ke atas segala bentuk kerosakan / kemalangan / kecurian dan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku semasa menggunakan Arena MBSJ.

*Sila sertakan salinan penyata akaun bank, salinan kad pengenalan diri serta resit asal bayaran cagaran untuk urusan pemulangan semula wang cagaran selepas tamat tempoh penggunaan.

 Tandatangan Pemohon

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

PERMOHONAN PENGGUNAAN ARENA MBSJ, SUBANG JAYA ADALAH;

DILULUSKAN

DITOLAK

Tarikh :

.....
**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
 MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

KADAR SEWA ARENA MBSJ

Bil	Aktiviti	Hari Biasa			Sabtu, Ahad & Cuti Umum			Masa	Catatan
		Siang		Malam	Siang		Malam		
		9.00 Pagi - 4.30 Petang	4.30 Petang - 7.30 Petang	7.30 Malam - 12.00 Malam	9.00 Pagi - 4.30 Petang	4.30 Petang - 7.30 Petang	7.30 Malam - 12.00 Malam		
1.	Padang Bolasepak (Termasuk 2 Bilik Persalinan)	RM 300.00	RM 500.00	RM 1,000.00 (Kecerahan Pencahayaan 500 Lux)	RM 400.00	RM 600.00	RM 1,200.00 (Kecerahan Pencahayaan 500 Lux).	1 ½ Jam	* Perubahan adalah melibatkan harga sewaan padang sahaja.
2.	Gelanggang Bola Tampar	RM 100	RM 100	-	RM 120	RM 120	-	2 Jam	
3.	Gelanggang Sepaktakraw	RM 100	RM 100	-	RM 120	RM 120	-	2 Jam	
4.	Gelanggang Bola Jaring	RM 100	RM 100	-	RM 120	RM 120	-	2 Jam	
5.	Trek & Balapan Olahraga	RM 1,500	RM 1,500	-	RM 2,000	RM 2,000	-	1 sesi @ 6 Jam	
6.	Kemudahan Pentas & 'Grand Stand'	RM 250			RM 350			1 sesi @ 6 Jam	
7.	Bilik Persalinan	RM 200			RM 300			2 Jam	
8.	Bilik Mesyuarat	RM 150			RM 200			2 Jam	
9.	Bilik Media/VIP	RM 150			RM 200			2 Jam	
10.	Sukan Sekolah	RM 600			RM 800			1 Sesi @ 6 Jam	

Nota : Bagi penggunaan lampu limpah akan di pasang 10 minit sebelum masa penggunaan sebenar.

***Butiran Lain:**

- i) **Pakej A - Kecerahan pencahayaan sebanyak 1200 lux. (Sesuai untuk perlawanan bolasepak mengikut spesifikasi FAM dan siaran langsung perlawanan bolasepak).**
- ii) **Pakej B - Kecerahan pencahayaan sebanyak 800 lux. (Sesuai untuk perlawanan bolasepak mengikut spesifikasi FAS)**

Pihak penyewa juga boleh menempah pakej kecerahan pencahayaan di atas mengikut harga yang ditetapkan oleh pihak MBSJ sebelum ini.

SYARAT DAN PERATURAN PENGGUNAAN ARENA MBSJ

1. Mengisi borang permohonan dengan lengkap dan menjelaskan bayaran sewaan dalam masa tujuh (7) hari selepas surat kebenaran diterima. Sila bawa bersama Surat Kebenaran dan Resit Bayaran semasa menggunakan kemudahan.
2. Arena MBSJ merupakan kawasan **Larangan Merokok**.
3. Pengguna hendaklah bertanggungjawab menjaga **kebersihan/keselamatan** segala kemudahan yang terdapat di Arena MBSJ semasa dan selepas penggunaan.
4. Pengguna dinasihatkan menyediakan **pasukan petugas kebersihan sepanjang masa program berlangsung** dan segala pengumpulan sampah sarap hendaklah di buang ke tempat pembuangan sampah yang disediakan ataupun di bawa keluar dari kawasan Arena MBSJ.
5. Pengguna hendaklah bertanggungjawab untuk menyusun atau meletakkan peralatan yang digunakan ke tempat asal dengan teratur dan tersusun.
6. Bagi tujuan pemasangan khemah atau peralatan yang melibatkan struktur, pengguna diminta mendapat khidmat nasihat daripada Pegawai MBSJ terlebih dahulu.
7. Kenderaan seperti lori/van/kereta/motosikal **tidak dibenarkan** memasuki kawasan Arena MBSJ.
8. Khemah atau struktur yang di pasang di kawasan yang diluluskan hendaklah di buka **sebaik sahaja program tamat**. Pemotongan Cagaran Arena MBSJ akan dilakukan jika pengguna gagal mematuhi syarat ini.
9. Pengguna **tidak dibenarkan sama sekali** membuat pemasangan khemah dan lain-lain struktur di kawasan Padang Bola Sepak dan Trek Balapan Olahraga.
10. Pengguna dilarang keras membawa masuk makanan atau minuman yang **Haram Disisi Agama Islam** dan apa-apa yang boleh **merosakkan/mengotorkan** kawasan Arena MBSJ kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.
11. Bagi penggunaan komponen elektrik seperti sistem pencahayaan dan sistem bunyi, pengguna di minta untuk mendapatkan kebenaran dari Pegawai yang bertugas terlebih dahulu. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku gangguan elektrik akibat kecuaiian dari pengguna.
12. Pengguna dilarang menjalankan segala aktiviti **masakan/menggoreng/merebus** atau **apa jua penyediaan makanan dan minuman** di dalam kawasan kemudahan Arena MBSJ.
13. MBSJ tidak akan bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk kemalangan, kecederaan atau kecurian yang berlaku semasa penggunaan Arena MBSJ.
14. Majlis juga **berhak membatalkan kebenaran** penggunaan Arena MBSJ jika terdapat program rasmi yang melibatkan pihak MBSJ.
15. Potongan sebanyak **RM100.00** akan dikenakan terhadap bayaran tempahan sekiranya terdapat pembatalan tempahan dilakukan.
16. Sebarang peraturan-peraturan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada pindaan MBSJ.
17. Semua tempahan akan dikenakan **cagaran** iaitu separuh daripada harga sewaan.